

Soalan Peperiksaan Percubaan SPM 2024 - Yayasan Islam Kelantan

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sempena Bulan Kebangsaan kali ke-67, para penduduk Taman Maju sedang bersiap-siap untuk acara sambutan yang akan diadakan pada akhir minggu ini. Mereka perlu menyelesaikan persiapan dengan cepat agar semuanya dapat berjalan lancar. Setiap orang memiliki tugas masing-masing; ada yang menyiapkan makanan, ada yang mendekorasi hiasan, dan ada juga yang akan mengatur persembahan. Dengan kerjasama yang baik, mereka yakin sambutan kali ini akan menjadi yang terbaik. Meskipun sedang sibuk, semangat gotong-royong selalu membuat semua kerja mereka terasa lebih ringan dan menyenangkan.

Sumber: *Internet*

[8 markah]

KATA BANTU

Soalan Peperiksaan Percubaan SPM 2024 - Perak

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata bilangan**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sejak berabad-abad dahulu, bahasa Melayu atau bahasa Malaysia telah berkembang dan menggunakan berbagai-bagai istilah asing untuk memperkaya kosa katanya. Malah sebelum era penjajahan, bahasa Melayu telah meminjam beberapa istilah daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Perkembangan ini lebih ketara apabila kita memasuki satu zaman baharu iaitu zaman teknologi maklumat. Dari sudut peminjaman bahasa, kini kedudukan bahasa Melayu agak kritikal kerana sebahagian daripada bahasa asing masing-masing sudah menodai kemurniannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Sejarah Bahasa Melayu”
oleh Abdul Rashid,
Utusan Publication & Distributors, 2006

[8 markah]

KATA BILANGAN

Soalan Peperiksaan Percubaan SPM 2024 - Kedah

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata akronim**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPK), Kolej Empat Belas (K14) dengan kerjasama pihak pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Program Rapat Rentasi Sempadan yang bertempat di Hatyai, Thailand. Objektif program ini adalah untuk mengetahui purata jumlah pendapatan penduduk miskin di kawasan perkampungan Bantaped Thepa, Songkhla, Thailand. Sehubungan dengan itu, sesi penyerahan bantuan bahan makanan yang melibatkan produk pelbagai jenama Malaysia turut diadakan. Selain itu, program ini turut dimeriahkan dengan pertandingan sukaneka untuk golongan lelaki dan bagi golongan wanita pula diadakan aktiviti senamrobik.

[8 markah]

KATA AKRONOM	KATA SENDI NAMA

Soalan Peperiksaan Percubaan SPM 2024 - Pulau Pinang

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata imbuhan sisipan**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hidupan flora merupakan keunikan semula jadi yang merupakan anugerah alam. Ekosistem tumbuhan saling sinambung dalam kelangsungan hidup apabila akar serabut menjalar bagi mendapatkan bekalan air bagi proses tumbesaran pokok. Warna kemuning orkid hutan menambahkan keindahan hutan meskipun baunya tidaklah semerbak bunga mawar yang mempunyai kelopak yang begitu mewangi. Begitu mendamaikan apabila berkunjung ke taman negara yang menyajikan tumbuh-tumbuhan kerana memberikan inspirasi betapa uniknya kehidupan alam ciptaan Tuhan.

[8 markah]

KATA IMBUHAN SISIPAN

Soalan Peperiksaan Percubaan SPM 2024 - Negeri Sembilan

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Tukarkan **kata dasar** yang bergaris kepada **kata terbitan awalan**. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata nama terbitan berapitan tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.

Kasih sayang daripada guru dapat mengeluarkan seseorang daripada stres dan tanggapan negatif terhadap diri sendiri. Ada murid yang memperoleh markah yang rendah menganggap dirinya “kandas”, namun kasih sayang dan tunjuk ajar guru dapat menyuntik semangat murid untuk terus mencuba. Perhatian dan tumpuan yang diperoleh pastinya membawa kesan positif kepada mereka. Di samping itu, murid wajar diberikan panduan untuk melihat perkembangan kejayaan dari semasa ke semasa. Model kawalan kualiti pembelajaran yang sesuai perlu digunakan oleh murid untuk mengukur perkembangannya. Instrumen ini boleh disesuaikan dengan trend pentaksiran semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Nilai Manusiawi Mendorong Kejayaan Murid”
oleh Arul Das Arumugam,
Dewan Masyarakat, 10 Mei 2024

[8 markah]

KATA DASAR